



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia

BOTANI EKONOMI DAN ETNOBOTANI

STAB 6143

**Laporan Lawatan Sambil Belajar ke Kampung Bukit Kemoja,
Langkawi dan Taman Herba Negeri Perak**

14 - 17 April 2016

Nama Ahli Kumpulan :

Amir Ashraf bin Abd. Samad

Muhammad Rasyid bin Ramli

Nur Aliyah binti Sodri

Norlaila Najwa binti Rahman

Siti Aisyah binti Razli

No Pelajar :

P81688

P81722

P85528

P83923

P85527

Pensyarah:

Prof. Madya Dr Ahmad bin Ismail

PENDAHULUAN



Pada tanggal 14 hingga 17 April 2016, kesemua pelajar STAB6143 (Botani Ekonomi dan Etnobotani) telah mengikuti program lawatan sambil belajar ke Kampung Kemoja, Pulau Langkawi, Kedah dan Taman Herba Negeri Perak. Program selama 4 hari ini telah diselenggarakan oleh Prof. Madya Dr. Ahmad bin Ismail, pensyarah STAB6143, serta 2 orang pegawai iaitu Encik Fendi dan Cik Farah. Pulau Langkawi telah dipilih sebagai kawasan kajian untuk program lawatan sambil belajar pada kali ini adalah kerana keunikannya yang mempunyai sumber alam semulajadi serta kaya dengan flora dan fauna. Langkawi terletak di utara Selat Melaka di selatan Laut Andaman berhampiran sempadan antara Malaysia dan Thailand. Kepulauan ini mengandungi 99 pulau yang merangkumi jumlah kawasan darat 528km² (204 batu persegi).

OBJEKTIF LAWATAN

Objektif lawatan ini diadakan adalah untuk mendedahkan para pelajar mengenai kajian etnobotani iaitu kajian bagaimana penduduk sebuah budaya dan kawasan tertentu menggunakan tumbuh-tumbuhan di sekitar kawasan penempatan mereka dalam kehidupan seharian dengan penekanan kepada budaya tradisional penduduk di situ. Selain itu, para pelajar juga dapat mengenali dan melihat tumbuhan-tumbuhan herba dengan lebih dekat serta merekodkan kegunaan dan kepentingan tumbuhan herba ini agar informasi yang berharga ini dapat terus disampaikan dan diturunkan daripada generasi ke generasi agar tidak hilang ditelan zaman.

DAPATAN KAJIAN

Tarikh: 16 April 2016

Kajian lapangan : Kampung Bukit Kemoja, Pulau Langkawi

Pada pukul 8.45 pagi, satu taklimat ringkas telah diberikan oleh pensyarah kami iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad bin Ismail sebelum kajian etnobotani dijalankan. Para pelajar dibahagikan kepada empat kumpulan dan ditugaskan untuk pergi ke rumah-rumah penduduk Kampung Bukit Kemoja dan menebual mereka mengenai tumbuhan-tumbuhan terutamanya tumbuhan herba yang sering digunakan dalam kehidupan seharian mereka. Para pelajar diminta untuk mengambil gambar dan merekodkan kegunaan tumbuhan-tumbuhan herba yang digunakan. Para pelajar juga dinasihatkan supaya menjaga tingkah laku dan adab sepanjang proses menebual dijalankan.



RUMAH PERTAMA



Bersama Puan Rohani



Encik Musa

Responden yang pertama adalah pasangan suami isteri Encik Musa yang berusia 66 tahun dan Puan Rohani yang berusia 62 tahun. Pasangan ini telah mendirikan rumah tangga selama hampir 44 tahun. Puan Rohani merupakan seorang suri rumah manakala suaminya pula telah penčen. Pasangan ini tinggal di rumah bersama 3 orang anak mereka. Jumlah isi rumah pasangan suami isteri ini adalah seramai 5 orang. Puan Rohani mempunyai penyakit kencing manis dan darah tinggi. Kedatangan kami ke rumah mereka disambut dengan begitu baik sekali. Puan Rohani dan Encik Musa begitu ramah dan tidak lokek berkongsi segala pengetahuan mereka mengenai tumbuhan – tumbuhan bersama kami. Mereka juga turut membawa kami mengelilingi rumah mereka untuk melihat tumbuhan-tumbuhan herba yang ditanam dengan lebih dekat. Antara tumbuhan herba yang ditanam adalah seperti berikut :

1. Pokok Cemumar (*Micromelum Pubescens*)



- daun digunakan dalam pemeraman pisang untuk membuatkan pisang lebih cepat masak.
- daun juga digunakan untuk wanita selepas bersalin sebagai mandian. Caranya adalah dengan merebus daun cemumar bersama daun pandan. Air rebusan itu digunakan sebagai air mandian. Daun cemumar ini dipercayai memberikan kesan pemanasan badan, jadi ianya sesuai untuk wanita selepas bersalin untuk membaiki urat-urat badan dan juga untuk memanaskan badan.
- daun juga boleh dimakan sebagai ulam-ulaman dimana ia selalunya dihidang bersama pucuk cermai, pucuk mengkudu, dan pucuk betik.

2. Pokok Mengkudu (*Morinda citrifolia*)



-pokok mengkudu digunakan untuk meningkatkan tahap kesihatan terutamanya pada usia yang lanjut. Ianya dapat menyihatkan tubuh badan dengan cara memakan daunnya sama ada direbus ataupun dimakan secara mentah. Rasa daunnya adalah sangat pahit.

-biji di dalam buah mengkudu boleh digunakan sebagai julap. Pucuk mengkudu juga dipercayai dapat memperlahankan proses penuaan.

3. Pokok Rambutan (*Nephelium lappaceum*)



-pokok rambutan ini dipercayai boleh mengubati demam dan sakit kepala bagi kanak-kanak. Caranya adalah dengan merebus daun pokok rambutan ini atau diramas-ramas sahaja di dalam air, kemudian daunnya diletakkan di atas kepala kanak-kanak tersebut.

4. Pokok Jambu Air (*Syzygium aqueum*)



-pokok jambu air ini didapati dapat merawat demam campak. Caranya adalah dengan menumbuk daun pokok jambu air ini bersama-sama dengan bedak sejuk kemudian disapu pada kulit.

5. Pokok Bayam Berduri (*Amaranthus spinosus*)



-pokok bayam berduri ini digunakan sebagai penyejuk badan. Caranya adalah dengan mengambil akarnya dan direndam di dalam air sejuk kemudian air tersebut diminum.

-daun pokok bayam berduri ini dipercayai dapat melawaskan pembuangan air kecil

6. Pokok Mambu (*Azadirachta indica*)



-pokok mambu ini dipercayai dapat mengubati demam campak
Daun pokok mambu ini direndam di dalam air kemudian air tersebut dijadikan air mandian. Air tersebut digunakan sebagai bilasan terakhir.

-daunnya juga digunakan untuk merawat penyakit kulit seperti bisul ataupun luka-luka. Caranya adalah dengan menumbuk daun pokok mambu ini dan kemudiannya disapu pada bahagian berkenaan.

-ranting pokok ini juga boleh digunakan untuk membersihkan gigi dimana ia dipercayai dapat merawat sakit gusi dan melegakan sakit gigi.

7. Pokok Munggai (*Moringa oleifera*)



-Buah dan daun pokok munggai dimakan dan digunakan di dalam masakan harian. Buahnya tidak pahit dan enak dimasak gulai. Daunnya pula boleh dimasukkan di dalam telur dadar seperti daun bawang. Kedua-dua buah dan daunnya juga sesuai dimasukkan di dalam masakan lemak.

-Biji buahnya dikatakan sangat berkhasiat dan mampu merawat pelbagai penyakit. Antaranya ialah kencing manis, darah tinggi, sakit tekak dan cirit-birit.

-Akarnya pula boleh membantu mencantikkan kulit. Kaedahnya ialah menggunakan akar kayunya dalam pembuatan bedak sejuk dan herba mandian.

8. Pokok Asin-Asin (*Sauropus androgynus*)



-Pokoknya tumbuh renek. Daunnya berwarna hijau gelap dan sesuai dijadikan sebagai ulam-ulaman dan dimakan secara mentah ataupun dimasak dengan air atau digoreng.

-Buahnya bewarna putih kemerahan dan boleh dijadikan jeruk manis. Pengambilannya dipercayai boleh menggalakkan pengeluaran susu ibu dan memperbaiki kesihatan wanita lepas bersalin

-Pesakit kencing manis tidak digalakkan memakannya kerana dipercayai boleh meningkatkan paras gula

9. Pokok Serai (*Cymbopogon citratus*)



-Beraroma wangi menyerupai buah lemon. Batangya digunakan secara kerap dalam masakan harian sebagai penambah perisa

-Dapat membantu menaikkan selera makan

-Dipercayai dapat membantu mengatasi masalah berkenaan pencernaan seperti senak perut, masalah angina dan kembung perut.

10. Pokok pisang (*Musa acuminata*)



-Buahnya enak dimakan begitu sahaja atau boleh juga digunakan dalam masakan. Daunnya beraroma wangi dan boleh digunakkan untuk membungkus makanan seperti nasi lemak

-Kulit buah pisang boleh digunakan untuk melegakan kesan gigitan pepijat atau gatal-gatal dengan cara menggosok kulit dengan menggunakan kulit pisang pada bahagian yang digigit. Selain itu, ketuat juga boleh dibuang dengan menggosokkan kulit pisang pada bahagian ketuat tersebut.

-Buah pisang mengandungi banyak khasiat seperti dapat membantu masalah sembelit, menurunkan tekanan darah dan melindungi daripada serangan jantung dan strok.

11. Pokok kelapa (*Cocos nucifera*)



- Batang pokok kelapa boleh digunakan untuk membina titi kerana strukturnya yang panjang dan keras.
- Sabut kelapa dapat digunakan untuk membuat tali dan berus manakala daun kelapa dapat dibuat sarung ketupat. Pelepah-pelepahnya pula boleh diikat untuk menjadi penyapu lidi.
- Tempurung kelapa boleh dikitar semula untuk menghasilkan perhiasan.
- Buah kelapa sangat berguna dalam masakan harian. Isi kelapa digunakan untuk memasak pelbagai jenis kuih-muih tradisional. Santannya juga diguna dalam pelbagai masakan seperti masakan kari dan nasi lemak.
- Air kelapa yang boleh diminum mampu memberikan pelbagai kebaikan kepada kesihatan tubuh badan. Antaranya ialah melegakan demam bagi kanak-kanak, menurunkan berat badan dan memberikan tenaga kepada tubuh yang keletihan dan kelesuan.

12. Pokok kari (*Murraya Koenigii*)



- Daun kari digunakan sebagai rempah dalam pelbagai masakan seperti masakan kari dan muruku. Daun kari mempunyai aroma yang tersendiri yang mampu membangkitkan selera
- Daun kari dipercayai dapat menguatkan gigi dan tulang dan mengatasi masalah cirit-birit dan kembung perut.
- Amalan memakan 5 helai daun kari setiap hari dipercayai baik untuk kesihatan

RUMAH KEDUA



Bersama Puan Chekgon Yaakob



Kediaman Puan Chekgon

Responden yang kedua adalah Puan Chekgon Yaakob yang berusia 59 tahun. Walaupun sudah berusia 50-an, beliau masih lagi sihat dan kuat serta tidak menghadapi sebarang penyakit. Beliau merupakan seorang suri rumah sepenuh masa. Suami beliau telah meninggal dunia dan beliau mempunyai 7 orang anak. Puan Chekgon menyambut kedatangan kami dengan senyuman manis di bibir dan membawa kami melawat di sekitar rumahnya sambil menerangkan kegunaan tumbuhan-tumbuhan herba yang ditanam. Antara tumbuhan herba yang ditanam adalah seperti berikut:

1. Pokok Buluh Cina (*Bambusa multiplex*)



- Ditanam sebagai tanaman hiasan.
- Pokoknya tahan lasak dan amat mudah dijaga
- Batang buluh cina bersaiz sederhana sering digunakan untuk menghasilkan senapang atau meriam buluh cina sebagai permainan bagi kanak-kanak zaman dahulu kala
- Daunnya boleh dicampur dengan air untuk mandi pada bilasan air bagi merawat demam kuning

2. Pokok lidah buaya (*Aloe vera*)



-Daunnya mempunyai isi berlendir di dalamnya (gel) yang mempunyai pelbagai kegunaan.

-Lendir daunnya boleh dicampur dengan air dan diminum untuk melegakan demam, menyejukkan badan, melegakan sakit perut serta memberikan kesan awet muda.

-Lendir daunnya juga boleh disapu pada kulit untuk melicinkan dan menegangkan kulit, menghilangkan parut pada kulit dan membantu memperbaiki masalah kulit seperti gatal-gatal, kulit kering serta kulit melecur. Selain itu, ia juga boleh disapu pada rambut bagi menguatkan dan menyihatkan rambut.

3. Pokok Bunga Raya (*Hibiscus rosa-sinensis*)



-Ditanam sebagai tanaman hiasan di halaman rumah kerana bunganya yang cantik dan menarik. Daunnya boleh diramas dan diletakkan pada dahi bagi merawat kanak-kanak yang demam

-Tuaman daunnya juga boleh digunakan untuk melegakan bisul dan bengkak. Akarnya boleh direbus bersama air dan air rebusan itu boleh diminum bagi melegakan masalah demam dan batuk.

4. Pokok Jolok Cacing (*Stachytarpheta jamaicensis*)



- daun pokok jolok cacing dapat membantu masalah cacing dan sembelit kanak-kanak. Daunnya diramas dan dimasukkan ke dalam baldi yang berisi air. Airnya dimandikan dari bahagian bahu ke bawah. Jangan dijirus airnya dari kepala kerana dikhuatiri kanak-kanak akan berasa lesu dan letih.

- pokok ini juga dijadikan ubat untuk merawat selsema dan demam.Ia juga digunakan untuk menghilangkan gatal pada kulit.Tumbuhan ini tidak boleh digunakan oleh wanita hamil dan menyusukan anak.

5. Pokok Inai (*Lawsonia inermis*)



-Daun inai digunakan untuk memerahkan jari dan rambut kerana daunnya mengandungi bahan pewarna glukosid dan asid henotanik. Menginaikan rambut dapat menguatkan akar rambut, memberi kilauan kepada rambut dan menghilangkan kelumumur. Caranya adalah dengan menumbuk lumat daun inai, dicampurkan dengan sedikit air perahan limau dan disapu ke bahagian rambut dan jari.

-Daun inai juga dapat menyembuhkan luka pada mulut dan lidah yang tersayat dengan mengunyah daun inai.

-Daun Inai juga dapat mengubati bisul dan bengkak dengan melumurkan daun inai yang telah ditumbuk halus.

6. Pokok Dukung Anak (*Phyllanthus Niruri*)



-Akar pokok dukung anak sering digunakan sebagai penawar untuk merawat penyakit kuning bagi bayi yang baru lahir.

-Daunnya juga digunakan untuk merawat jangkitan kudis buta. Caranya adalah daun ditumbuk lumat dan dicampur dengan sedikit garam lalu disapukan ke bahagian badan yang terkan kudis buta. Jika daun yang dilumat tidak dicampur dengan garam, ia boleh digunakan untuk merawat bias gigitan ular

7. Pokok Lidah Ayam (*Chlorophytum laxum*)



-Daun pokok lidah ayam dapat merendahkan tekanan darah tinggi dan kencing manis dengan meminum air rendaman daun.

-Pokok lidah ayam ini menghasilkan ubi di bahagian akar di mana ubi ini dipercayai dapat membantu melawaskan kencing. Caranya adalah dengan mengisar ubi tersebut dan airnya diminum.



8. Pokok pegaga (*Centtella asiatica*)



-Daun pegaga sering dimakan sebagai ulaman. Amalan memakan daun pegaga dipercayai boleh mengekalkan awet muda dan mengelakkan masalah kegemukan.

-Pokok pegaga juga boleh merawat batu karang, kencing berdarah dan kencing tidak lawas serta menurunkan tekanan darah tinggi. Caranya adalah dengan keseluruhan bahagian pokok dimakan, dibuat jus atau direbus untuk diminum.

9. Pokok Setawar (*Kalanchoe pinnata*)



-Pokok setawar dipercayai boleh menyejukkan badan dan merawat demam panas. Caranya adalah dengan meramas daunnya dan dicampur dengan sedikit air. Kemudian, diletakkan di atas kepala.

-Pokok setawar juga digunakan untuk merawat kembung perut. Caranya adalah dengan mengisar 2 helai daun setawar bersama seinci kunyit lalu disapukan ke bahagian perut yang kembung.

-Daun pokok setawar juga boleh digunakan untuk merawat bisul. Caranya dengan menumbuk daun setawar dan letakkan daun yang telah lumut diseliling bisu atau panaskan dan seterikakan daun setawar lalu dituam ke bahagian yang terkena bisul.

TAMAN HERBA PERAK

Taman herba Perak terletak di Jalan di Kampung Kepayang Negeri Perak Darul Ridzuan. Taman ini berkeluasan 22 hektar dan mempunyai 527 spesies tumbuhan herba yang dapat digunakan dalam bidang perubatan, aromaterapi dan



kosmetik, termasuk sebagai ulam dan rempah. Taman Herba ini dilengkapi dengan



prasarana seperti *Trem*, tapak perkhemahan, surau, dewan taklimat, tasik dan tandas awam. Kedudukannya taman herba ini yang terpencil dan jauh dari kesibukan ibu kota sesuai untuk aktiviti riadah seperti memancing. Taman herba ini merupakan sebuah Taman Herba Jabatan Pertanian Negeri Perak. Taman herba ini mempunyai

tumbuhan herba yang tumbuh secara semula jadi atau yang diambil dari tempat lain untuk ditanam di sini.

Pada pukul 10 pagi pada hari Ahad bersamaan 17/4/2016, pegawai pusat iaitu Puan Azizah Binti Meor Hashim memberi taklimat yang penuh infomatif tentang tanaman



herba serta kegunaannya untuk kesihatan. Seramai lebih kurang 30 orang pelajar dan Dr. Ahmad berserta 2 orang pembantu Dr. Ahmad mengikuti lawatan ini. Antara kawasan yang dilawati adalah tapak Warisan Herba 1,

Tapak Warisan Herba 2 dan juga Tapak Warisan Herba 3.

Sebelum lawatan ketiga-tiga tapak warisan herba, Puan Azizah memberi taklimat di dewan taklimat. Jadual dibawah menunjukan tumbuhan herba yang terdapat di Taman ini berserta khasiatnya.

Nama Tumbuhan Herba	Khasiatnya
Ara Songsang/Rumput Israel (<i>Asystasia gangetica</i>) 	Mempunyai kebaikan bagi kencing tidak lawas
Ara Tanah (<i>Euphorbia hirta</i>) 	Mengecutkan ketuat
Ketumpang air, sirih bumi dan sirih cina (<i>Piper pellucid</i>) 	Memecahkan batu karang

Daun batu karang (*Strobilanthes crispus*)



Memecahkan batu karang

Daun misai kucing (*Orthosiphon aristatus*)



Memecahkan batu karang

Kecubong (*Datura metel*)



Daunnya digunakan bagi membuang angin pasang, meredakan resdung.

Belimbing tanah (*Tacca Cristata*)



Berkhasiat bagi pesakit darah tinggi, merendahkan tekanan darah tinggi.

Lalang (*Imperata cylindrica*)



Merendahkan suhu badan bagi pesakit demam panas dan juga berkhasiat merawat batu karang.

Ati-ati (*Coleus amboinicus*)



Berkhasiat bagi merawat penyakit asma

Daun lemuju (*Plectranthus amboinicus*)



Berkhasiat menjaga kerongkong

Bunga kertas (*Bougainvillea spp.*)



Berkhasiat bagi membantu wanita mendapat kitaran haid yang cantik

Kadok (*Piper sarmentosum*)



Berkhasiat membantu membuang angin dalam badan

Buah tunjuk langit

(*Helminthostachys zeylanica*)



Berkhasiat merawat penyakit kencing manis dan gout

Selepas taklimat, rombongan dibawa melawat ketiga-tiga tapak warisan herba dengan menaiki tramp. Pelbagai jenis herba yang diberikan penerangan daripada Puan Azizah dengan jelas. Antara pokok yang diberi



penerangan adalah pokok Afrika, pokok pecah beling, kaduk hutan, kacip Fatimah, cekur, daun semangkuk, bakawali, seringan, ubi bemban sulur, lemuju, setawar, batu karang, ekor anjing, misai kucing, ekor naga, daun tapak harimau, bias ular, ekor naga, bintang tujuh, kelulut, baru cina, ginseng, dan banyak lagi.

Kawasan tanaman herba aromatik terletak di tapak warisan herba 2. Di tapak ini, terdapat pokok-pokok aromatik yang mengeluarkan aroma yang wangi. Antara pokoknya ialah Bunga Kemboja, Bunga Kenanga (Putih dan Kuning), Bunga Kesidang, Bunga Sundal Malam, dan Bunga tiga bulan. Antara pokok herba yang terdapat di tapak warisan herba 1 adalah ekor naga, kemuning, hanyir ikan, agave amerika, pisang tali, mali-mali, bunga pakma, mempelas, sawi rusa dan sebagainya. Manakala di tapak warisan herba 3, antara pokok herba yang terdapat ialah Haba Neraka, sambung nyawa, sambung nyawa dewa, pokok bintang tujuh, pokok daun sekentut, Lelipan, Hanyir Ikan, Bakawali dan banyak lagi. Haba neraka diberikan penerangan yang mendalam oleh puan Azizah. Wanita yang hamil dilarang menghampir pokok ini kerana dianggap akan dikhuatiri mengalami keguguran.

Nama Tumbuhan Herba	Khasiatnya/kegunaan
Haba Neraka (<i>Iris pseudacorus</i>) 	Munggugurkan kandungan
Bisa Ular (<i>Barleria lupulina</i>) 	Merawat bisa terkena patukan ular
Pisang Tali (<i>Heliconia rostrata</i>) 	Merawat sakit usus, demam kuning dan darah tinggi.

Bunga 3 Bulan (*Hydrangea macrophylla*)



Merawat malaria dan sakit jantung.

Dalam pukul 12 tengah hari lawatan ketiga-tiga tapak warisan herba berakhir. Atur cara yang seterusnya ialah kami membentangkan hasil carian kami di rumah yang terdapat kampung Bukit Kemoja.



Dalam perbentangan kami, kami menerangkan pokok yang terdapat di rumah responden yang mempunyai khasiat dalam kesihatan bagi penduduk kampung. Dalam pukul 2 petang, majlis bersurai dan kami menaiki bas menuju balik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

KESIMPULAN

Di akhir lawatan ini, para pelajar dapat menambah ilmu pengetahuan mengenai kajian etnobotani, kegunaan tumbuhan-tumbuhan herba dan dapat melihat tumbuhan herba ini dengan lebih dekat lagi. Segala ilmu pengetahuan ini amat bernilai dan secara tidak langsung dapat diwarisi dan diturunkan kepada generasi yang seterusnya. Objektif lawatan ini telah berjaya dicapai. Program lawatan sambil belajar ini telah memberikan pelbagai manfaat kepada para pelajar di samping merapatkan hubungan di antara pelajar dan pensyarah. Program seperti ini perlu diteruskan lagi di masa-masa akan datang.